



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 33/2020 dari 9 Ogos hingga 15 Ogos 2020)


Situasi kes Demam Denggi pada minggu ke-33 telah menunjukkan peningkatan dengan sebanyak 1,898 kes dilaporkan berbanding 1,803 kes pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 95 kes (5.3%). Sebanyak tiga (3) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-33. Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 68,097 kes berbanding 85,270 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 20.1%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 112 kematian berbanding 121 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 (**Lampiran A & C**).


Jumlah kes mingguan Demam Denggi telah menunjukkan tren peningkatan selama tiga (3) minggu berturut-turut, namun kes mingguan yang dilaporkan masih berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 dan kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 (**Lampiran B**). Tren peningkatan ini perlu diambil perhatian oleh masyarakat dengan terus meningkatkan aktiviti pembersihan persekitaran dan penghapusan tempat pembiakan Aedes di premis masing-masing. Lokaliti hotspot yang dilaporkan juga meningkat dengan sebanyak 64 lokaliti hotspot berbanding 61 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 49.23% atau 32 lokaliti hotspot dari keseluruhan 61 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 17 lokaliti hotspot (26.15%) di Kelantan, 10 lokaliti hotspot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (15.38%), tiga (3) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (4.62%), dua (2) lokaliti hotspot di Sabah (3.08%) dan satu (1) lokaliti hotspot di Melaka (1.54%). (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 71 kes pada minggu ke-33 dengan 33 kes dilaporkan dari negeri Pulau Pinang, 23 kes dari Perak, 10 kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Johor serta masing-masing satu (1) kes dari Kedah, Pahang dan Selangor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 1,973 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,169 sampel darah dan 19 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Punca utama jangkitan Demam Denggi adalah dari persekitaran yang mempunyai tempat pembiakan Aedes samaada di dalam mahupun di persekitaran luar rumah. Masyarakat dan seisi rumah perlu meneruskan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu serta disaran untuk menggunakan kaedah pencegahan seperti melakukan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah dan memakai repelan sewaktu melakukan aktiviti di luar rumah bagi mengelakkan gigitan nyamuk.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan tema Malaysia Prihatin, KKM menyeru semua Kementerian, Pihak Berkuasa Tempatan, badan kerajaan serta bukan kerajaan dan setiap lapisan masyarakat untuk bersama-sama mengambil peranan dan prihatin dalam tindakan membendung penularan jangkitan Demam Denggi. Sebagai sebuah negara yang telah mencapai kemerdekaan selama 63 tahun, marilah kita membudayakan amalan mengutamakan kebersihan persekitaran sebagai sebahagian cara hidup agar rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang optimum tanpa ancaman bahaya Demam Denggi yang boleh meragut nyawa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


  
**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
*U* Ogos 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 32 dan ke- 33 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 33 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 33 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 33/2020  
(9 Ogos hingga 15 Ogos 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 33/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 33/2019	
		Minggu Epid 33 (9 Ogos – 15 Ogos 2020)		Minggu Epid 32 (2 Ogos – 8 Ogos 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	1	0	55	0	242	0
2	Kedah	24	0	7	0	632	0	1,219	4
3	P. Pinang	24	0	13	0	719	2	3,399	9
4	Perak	40	0	33	0	2,273	3	2,068	4
5	Selangor	665	1	646	1	35,401	34	47,524	37
6	WP KL & Putrajaya	188	0	191	0	7,816	6	10,606	6
7	N. Sembilan	99	0	77	0	2,079	7	1,540	7
8	Melaka	67	0	56	0	1,704	5	1,438	6
9	Johor	370	2	340	2	7,409	28	7,259	18
10	Pahang	87	0	93	0	2,100	6	1,411	8
11	Terengganu	15	0	14	0	291	0	419	1
12	Kelantan	204	0	213	0	3,234	5	3,406	4
13	Sarawak	18	0	15	0	1,244	2	1,316	1
14	Sabah	95	0	104	0	3,135	14	3,394	16
15	WP Labuan	1	0	0	0	5	0	29	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,898</b>	<b>3</b>	<b>1,803</b>	<b>3</b>	<b>68,097</b>	<b>112</b>	<b>85,270</b>	<b>121</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 33/2020  
(9 Ogos hingga 15 Ogos 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	35	124
2	WPKL	Titivangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	61	101
3	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	24	89
4	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo/Condo Perdana Selatan)	15	81
5	KELANTAN	K/Bharu	Kubur Maras	47	76
6	SELANGOR	H/Langat	Taman Kajang Mulia	29	70
7	SELANGOR	H/Langat	Casa Villa Condo Sungai Chua	16	65
8	SELANGOR	Petaling	Sek 9 (Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai)	28	65
9	KELANTAN	K/Bharu	Taman Sedc Chicha	19	63
10	SELANGOR	H/Langat	Jalan Tk3 3/1-8 Taman Kota Cheras	16	62
11	WPKL	Cheras	P/Puri Kos Rendah Bdr Tasik Selatan (Blok A - E)	13	60
12	<sup>N</sup> SEMBILAN	Seremban	Taman Sri Mawar Fasa 1	13	60
13	KELANTAN	K/Bharu	Jalan Atas Paloh	26	59
14	WPKL	Kepong	Menara Orkid	8	58
15	KELANTAN	K/Bharu	Chempaka	31	58
16	<sup>N</sup> SEMBILAN	Seremban	Taman Jasmin	21	57
17	KELANTAN	K/Bharu	Bawah Lembah	16	56
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	17	55
19	SELANGOR	H/Langat	P/puri Mewah Taman Damai Mewah	10	54
20	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Murni 2&3 Saujana Impian	13	54
21	SELANGOR	H/Langat	Antara Apt Taman Mulia Jaya	11	54
22	SELANGOR	H/Langat	Jalan Impian Indah Saujana Impian	16	52
23	WPKL	Kepong	Tmn Dato Senu (Jln Dato Senu 10-15)	10	51
24	KELANTAN	K/Bharu	Badang 2	16	50
25	KELANTAN	K/Bharu	Tok Betek	22	49
26	SELANGOR	Klang	Taman Chi Liung 01	19	48
27	SELANGOR	H/Langat	Taman Desa Anggerik	11	48



NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	Sepang	Taman Dahlia Fasa 7 - 8	14	46
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Apt Permata 1)	8	46
30	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Cempaka (Jln. Cempaka 1 - 14)	6	45
31	KELANTAN	K/Bharu	Beris Lanjut	20	45
32	WPKL	Kepong	Kepong Baru (Jln Helang, Helang Laut, Helang Jambul, Helang Sewa)	6	42
33	SELANGOR	H/Langat	Apt Seksyen 1 Bandar Baru Bangi	18	42
34	KELANTAN	K/Bharu	Kok Pasir	19	42
35	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 5/1,5/3,5/5,5/7,5/9,5/11,5/13,5/15,5/16,5/17,5/18 & 5/19 Bandar Bukit M	12	41
36	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Fasa 2	12	40
37	WPKL	L/Pantai	Flat Ltat (Blok A & B)	12	40
38	SELANGOR	H/Langat	Jln 7/3 Sek 7 Bandar Baru Bangi	7	40
39	KELANTAN	K/Bharu	Lorong Sk Paloh	12	40
40	SELANGOR	H/Langat	Taman Perindustrian Sungai Chua	11	39
41	SELANGOR	H/Selangor	Kg O/Asli Songkok	10	38
42	SELANGOR	Klang	Sek 36 (Desa Latania Jln 36/1 - 36/9c)	14	38
43	SELANGOR	H/Langat	Jln Puncak 3 Tmn Puncak Saujana	7	38
44	SABAH	K/Kinabalu	Taman Wijaya	12	38
45	MELAKA	Jasin	Kg Solok Tengah	21	37
46	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 1-9 Tmn Kantan Permai	15	36
47	WPKL	Cheras	Ppr Pudu Ulu	8	35
48	WPKL	Kepong	Lokap Berpusat Jinjang	15	34
49	SELANGOR	H/Langat	Jln 1/8-1/16 Tmn Bukit Teratai	11	34
50	KELANTAN	K/Bharu	Kubang Tuman	14	34
51	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 17	8	33
52	SELANGOR	H/Langat	Apt Seksyen 1 Bandar Teknologi	11	33
53	SELANGOR	H/Langat	Jalan Sungai Lalang	8	33
54	SABAH	K/Kinabalu	Taman Luyang Ph.5	20	33
55	KELANTAN	K/Bharu	Tapang 2	7	33
56	SELANGOR	H/Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	8	32

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL. KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
57	SELANGOR	H/Langat	Jln Kesuma 6/1 Bandar Tasik Kesuma	11	32
58	SELANGOR	Klang	Kampung Rantau Panjang 04	6	32
59	KELANTAN	K/Bharu	Taman Koperatif	11	32
60	KELANTAN	K/Bharu	Kampung Aman	18	31
61	WPKL	Cheras	D'alamanda Pudu Impian	7	31
62	SELANGOR	Klang	Taman Cempakasari 06	6	31
63	KELANTAN	K/Bharu	Taman Tanjung Chat	5	31
64	KELANTAN	K/ Bharu	Semut Api	10	31
65	KELANTAN	K/Bharu	Telaga Nibong	8	31



**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU 33/2020 (15 Ogos 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	Kangar	1	1
2	Kedah	Baling	2	18
		Kota Setar	3	
		Kuala Muda	4	
		Kubang Pasu	3	
		Kulim	1	
		Pendang	2	
		Sik	2	
		Yan	1	
3	P. Pinang	Barat Daya	157	947
		Timur Laut	735	
		Seberang Perai Utara	18	
		Seberang Perai Tengah	35	
		Seberang Perai Selatan	2	
4	Perak	Batang Padang	61	899
		Hulu Perak	2	
		Kampar	163	
		Kerian	1	
		Kinta	516	
		Kuala Kangsar	28	
		Larut, Matang & Selama	111	
		Manjung	13	
		Muallim	2	
		Perak Tengah	2	
5	Selangor	Klang	1	4
		Gombak	1	
		Petaling	2	
6	WPKL & P	Kepong	2	3
		Titiwangsa	1	
7	Johor	Muar	5	6
		Segamat	1	
8	Pahang	Bera	1	2
		Cameron Highland	1	
9	Kelantan	Bachok	5	82
		Kota Bharu	62	
		Kuala Krai	1	
		Machang	2	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	9	
		Pasir Mas	1	
10	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
<b>JUMLAH</b>			<b>1,973</b>	

